

'Anugerah motivasi kepada rakan'

Tokoh Guru Kebangsaan 2023 kongsi pesanan supaya terus berjuang didik anak bangsa

Oleh **Nuraliawati Sabri**
bhnews@bharian.com.my

Melaka: "Titik permulaan saya sebagai guru adalah ingin membantu pelajar dan mencari kelainan apa yang boleh dicapai, langsung tidak pernah terfikir akan diangkat menjadi seorang tokoh," kata Tokoh Guru Kebangsaan 2023, Datin Seri Dr Nuinda Alias.

Bekas Pengetua Cemerlang di Maktab Sabah, Kota Kinabalu itu berkata, pengiktirafan yang diberikan kepada dirinya adalah suatu penghormatan terbesar dan teristimewa dalam hidupnya sepanjang bergelar seorang pendidik dan pemimpin sekolah.

"Syukur dengan anugerah cukup istimewa ini, saya terharu dan berbangga kerana diberi penghargaan sebegini. Saya berharap anugerah ini akan memberi motivasi kepada rakan-rakan yang masih berkhidmat.

"Sesungguhnya, perjuangan seorang pendidik ini tidak akan

berhenti di sini sahaja, sebaliknya kita akan terus berkhidmat untuk masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-52 Tahun 2023 yang disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Turut hadir, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusbh.

Ibu kepada empat cahaya mata itu turut berpesan dan berkongsi pesanan kepada guru supaya terus menjadi insan yang berjiwa mulia dan ikhlas berjuang untuk mendidik anak bangsa.

"Saya juga selalu ketengahankan, jika mahu menjadi guru, hati perlu ikhlas dan didik dengan hati nurani selain bersemangat," katanya.

Pendidikan untuk semua

Sementara itu, bagi Tokoh Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan 2023 iaitu Datuk Mazlan Mohamad, 69, dia berjuang sebagai guru bukan untuk mengejar anugerah sebaliknya mahu berusaha memastikan tiada anak bangsa tercicir dalam arus pendidikan.

"Saya percaya bahawa pendidikan itu mesti dikuasai oleh semua orang. Sebagai guru dan pendidik, menjadi tanggungjawab kami dalam memastikan semua murid serta pelajar men-



Anwar menyampaikan anugerah kepada Nuinda dan Mazlan sambil disaksikan Ab Rauf serta Fadhlina pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Melaka, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

dapat pendidikan sewajarnya," katanya.

Penerima Anugerah Guru Juara Digital kategori Sekolah Menengah dan Rendah, Mimi Norashikin Md Jani, 38, dari SMK Panchor, Negeri Sembilan berkata kejayaan yang diperolehnya akan mendorong beliau membuka peluang dan ruang kepada pelajar mendalami dunia robotik.

Guru Reka Bentuk dan Teknologi itu berkata walaupun sekolah berkenaan merupakan se-

kolah kampung dan mempunyai akses digital yang sangat terhad namun, sebuah "Digital Maker Hub" Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) berjaya diwujudkan di sekolah berkenaan baru-baru ini.

"Saya dicalonkan menjadi juara kerana saya telah berjaya mewujudkan kumpulan robotik yang dikenali sebagai 'tech genius' sejak saya mula masuk ke sekolah berkenaan pada 2017.

Anugerah bagi tokoh pendidik

itu menampilkan empat kategori iaitu Anugerah Khas Pendidikan (enam penerima), Anugerah Guru Inovatif (enam penerima), Anugerah Guru Berwibawa (tujuh penerima) dan Anugerah Guru Ikon (sembilan penerima).

Turut disampaikan pada majlis berkenaan ialah Anugerah Khas Menteri Pendidikan: Sekolah Citra MADANI iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Guar Nagka, Perlis selain tiga Anugerah #GuruJuaraDigital.